

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hasrat Kementerian dalam pengurusan tanah milik Kementerian dan senaraikan semua tanah milikan Kementerian dalam kawasan Parlimen Taiping khasnya tanah di sekitar SK King Edward VII, Jalan Padang Tembak, Taiping.

JAWAPAN

Berdasarkan rekod kementerian ini, secara keseluruhannya terdapat 33 lot tanah kegunaan Kementerian Pertahanan di kawasan Taiping yang berkeluasan 531.2624 ekar. Daripada keseluruhan lot berkenaan sebanyak 24 lot berkeluasan 483.1198 ekar merupakan Tanah Milik Persekutuan kegunaan Kementerian Pertahanan. Manakala 9 lot adalah tanah rizab kegunaan Kementerian Pertahanan yang telah diluluskan pemberimilikan tanah berkeluasan 48.1426 ekar tetapi masih belum didaftarkan.

Berdasarkan semakan, tanah kegunaan Kementerian Pertahanan di sekitar SK King Edward VII, Jalan Padang Tembak, Taiping adalah merupakan tanah Kerajaan Negeri yang diperuntukkan di bawah Perkara 166 di bawah Perlembagaan Persekutuan bagi kegunaan Angkatan Tentera Malaysia yang mengandungi 8 lot.